

SEMINAR PENGHAYATAN ASMA'UL HUSNA DALAM KERJAYA

Koperasi UUM Bhd

Telah Dihantar: 08 Oktober 2012 8:32

Kepada: UUM - All Staff



KOPERASI UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
BERHAD

Varsity Mall, UUM, 06010 Sintok, Kedah.



Yuran Seminar
1. Penginapan seorang RM455.00
2. Penginapan berdua RM400.00
3. Tanpa Penginapan RM300.00

Potongan 5% untuk organisasi yang mendaftar 3 orang atau lebih

SEMINAR PENGHAYATAN ASMA'UL HUSNA DALAM KERJAYA

7 - 8 November 2012
Tempat : EDC, UUM



PENCERAMAH

Profesor Madya Dr. Wan Maseri bt Wan Mohd berasal dari Kuantan, Pahang. Mendapat ijazah pertama di Universiti of Miami, Florida dalam bidang Sains Komputer pada tahun 1985 manakala pada tahun berikutnya memperoleh ijazah sarjana di universiti dan dalam bidang yang sama. Seterusnya, beliau telah melanjutkan pengajian beliau di peringkat Doktor Falsafah dalam bidang Knowledge Management di Universiti Teknologi Malaysia pada tahun 2010. Bertugas sebagai Pensyarah dan Ketua Pengarah Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi di Universiti Malaysia Pahang. Aktif dalam bidang Latihan dan Kaunseling di mana beliau telah dijemput sebagai penceramah jemputan di program-program motivasi untuk pelajar, guru-guru, kakitangan kerajaan dan swasta. Selain itu, beliau telah mengadakan kelas pengajian berkala, atau dijemput sebagai penceramah tentang penghayatan Asma'ul Husna di sekitar Kuantan dan Selangor dengan memberikan motivasi berkaitan Asma'ul Husna dalam kehidupan khususnya di dalam membawa kembali Islam sebagai satu cara hidup yang mampu menyelesaikan segala masalah, dan beliau kini sedang giat memberi kesedaran tentang siapakah Allah dan keajaiban pergantungan kepada nama-namaNya.

LATAR BELAKANG

Seminar ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan penghayatan Islam dalam sudut psikologi dan penguasaan penyelesaian masalah dalam kehidupan setiap muslim dengan Asma'ul Husna bagi mengatasi permasalahan bercorak kerohanian, hubungan kekeluargaan, hubungan sosial dan kerjaya, pengetahuan, kesihatan dan kekayaan.

OBJEKTIF

- Mengetahui dan memahami kaitan kehidupan setiap muslim dengan Asma'ul Husna bagi mengatasi permasalahan bercorak kerohanian, keluarga, kerjaya, sosial dan sebagainya.
- Memahami bahawa tindakan individu sebenarnya dipengaruhi oleh Asma'ul Husna Allah SWT yang diutamakan kepada setiap individu.
- Keadaan penyelesaian masalah dan sudut kerohanian, keluarga, kerjaya, kekayaan, ilmu, pendidikan, sosial, tempat kerja dan kesihatan.
- Mengetahui diri dengan lebih mendalam dari sudut positif dan negatif.
- Meningkatkan potensi diri untuk menjadi insan yang lebih cemerlang dengan mengetahui kekuatan dalaman yang ada pada diri individu tetapi mungkin anda tidak sedar.
- Mengetahui mengapa sesuatu perkara, ujian seringkali berulang dalam hidup individu dan cara untuk mengatasinya.
- Mengetahui bahawa hidup kita seringkali ditempuh dengan pelbagai perlawanan individu dalam kehidupan seharian.

SASARAN PESERTA

Terbuka kepada semua Karyawan, Kerani, Badan-Badan Berkanun, Kerajaan Tempatan dan swasta serta individu yang berminat.